

Perdana Menteri bertemu Kolonel Gaddafi

19 APR 2002
Daripada Mohamad Azlan Jaafar

TRIPOLI, Khamis - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertemu pemimpin revolusi Libya, bertemu bertemu Kolonel Muammar Al-Gaddafi di sini hari ini.

Pertemuan Dr Mahathir dengan pemimpin Revolusi Al-Fateh itu diadakan di Bab Al-Aziziyah dekat sini, sebaik pesawat yang membawanya dan delegasi Malaysia mendarat di lapangan terbang Mitiga, di sini.

Rombongan Perdana Menteri dibawa ke sebuah kubu di kawasan Bab Al-Aziziyah yang dikawal ketat tentera dan pengawal revolusi.

Turut serta dalam perjumpaan tertutup yang berlangsung kira-kira sejam adalah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz; Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaacob dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon turut serta dalam perbincangan itu.

Kedua-dua pemimpin dikatakan membincangkan hubungan dua hala dan meningkatkan kerjasama selain isu semasa, termasuk pergolakan di Asia Barat dan kekejaman Israel terhadap Palestin.

Perdana Menteri dan rombongan pemimpin dan ahli perniagaan tiba di Lapangan Terbang Teritera Mitiga, Tripoli dari Casablanca, Maghribi.

Lawatan Perdana Menteri ke Libya atas jemputan Gaddafi, sebahagian lawatannya ke tiga negara, bermula dengan Maghribi, bertujuan meningkatkan kerjasama ekonomi yang masih kecil membabitkan negara terbabit.

Pada tahun lalu, nilai dagangan antara Malaysia dan Libya bernilai hanya AS\$5.2 juta yang mana eksport Malaysia ke negara itu sebanyak AS\$3.9 juta manakala import dari Libya AS\$1.3 juta.

Sebaik tiba di lapangan terbang, Dr Mahathir diberi sambutan rasmi dan lagu Negaraku dimainkan diikuti dengan tembakan meriam.

Sepanjang perjalanan ke kediaman rasmi pemimpin Revolusi Al-Fateh itu juga dihiasi bendera Malaysia dan Libya.

Konvoi delegasi kemudian dibawa ke Bab Al-Aziziyah, kawasan di mana bekas kediamannya diserang tentera Amerika Syarikat pada 15 April 1986 yang mengakibatkan kematian seorang anak angkat Gaddafi.

Perdana Menteri juga dibawa melawat bekas kediaman itu serta tinggalan serangan tentera Amerika. Dr Mahathir juga menandatangani buku kenangan di bekas kediaman itu.